Kenyataan Akhbar oleh
Tan Sri Dato' Seri Ali Abul Hassan bin Sulaiman
Gabenor, Bank Negara Malaysia
mengenai
Bon Simpanan Malaysia Siri 02

Seperti yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan I semasa Belanjawan Negara Tahun 2000, Bank Negara Malaysia akan menerbitkan Bon Simpanan Malaysia Siri 02 (BSM 02) khusus untuk para pesara pada 1 November 1999. Sejumlah RM2 bilion BSM 02 akan dijual mulai 1 November 1999 hingga 10 November 1999. Dari jumlah tersebut, RM1 bilion akan diterbitkan berlandaskan prinsip Islam mengikut konsep Bai' Al-Einah. Bon berkenaan mempunyai tempoh matang dua tahun dengan kadar pulangan kupon 5.75% setahun yang akan dibayar pada setiap suku tahunan. Hanya pesara berumur lebih 55 tahun dan tidak bekerja sepenuh masa layak untuk membeli bon-bon tersebut.

2. Bank Negara Malaysia menerbitkan BSM 02 dengan tujuan mengurangkan impak ekoran kadar pulangan rendah yang diterima oleh pesara ke atas deposit mereka. BSM 02 menyediakan pilihan instrumen pelaburan kepada pesara dan pada masa yang sama memperbaiki pulangan pelaburan ke atas institusi kewangan yang secara relatifnya adalah rendah pada masa ini.

3. Pesara yang layak dan berminat untuk membeli BSM 02 boleh mendapatkan borang permohonan dan menyerahkannya beserta dengan wang di mana-mana cawangan bank-bank ejen berikut:-

	Bank	**Jenis Bon**
a)	Malayan Banking Berhad	Konvensional & Islam
b)	Bumiputra-Commerce Bank Berhad	Konvensional
c)	Public Bank Berhad	Konvensional
d)	Bank Islam Malaysia Berhad	Islam
e)	Bank Muamalat Malaysia Berhad	Islam

Lampiran

Ciri-Ciri BSM 02

Jumlah Terbitan

Maksimum RM2 bilion nilai nominal

Jenis Bon

Dua jenis BSM 02 akan diterbitkan. RM1 bilion akan diterbitkan dalam bentuk konvensional bon dan baki RM1 bilion akan diterbitkan berdasarkan prinsip Islam, mengikut konsep Bai' Al-Einah.

Pemindahan dan Penyerahhakkan

BSM 02 tidak boleh diniagakan, dipindahmilikkan dan diserahhakkan.

Tarikh Terbitan

BSM 02 akan dijual mulai 1 November 1999 sehingga 10 November 1999.

Pembeli Yang Layak

BSM 02 akan dijual kepada rakyat Malaysia yang berusia lebih 55 tahun dan tidak bekerja sepenuh masa.

Denominasi

Denominasi minimum (nilai belian) ialah RM1,000 dalam gandaan RM100 tertakluk kepada jumlah maksimum RM50,000 dan maksimum 10 sijil bagi seseorang pelabur.

Tempoh Bon

Tempoh bon ialah dua tahun. Tarikh matang BSM 02 ialah pada 1 November 2001.

Pulangan Pelaburan

(a) Bon Konvensional

Harga Terbitan:	RM100 setiap 100 unit
Kadar Kupon:	5.75% setahun. Faedah akan dibayar pada setiap suku tahun melalui akaun pemegang sijil atau cek.

(b) Bon Terbitan Secara Islam

Konsep:	Bai' Al-Einah (Perjanjian Belian Balik)
Harga Terbitan:	RM100 setiap 100 unit
Margin Keuntungan:	5.75% setahun. Keuntungan akan dibayar setiap suku tahun melalui akaun pemegang sijil atau cek.

Sijil Bon

Bon BSM 02 akan dijual dalam bentuk berdaftar. Sijil akan dikeluarkan di atas nama pelabur.

Penebusan Bon

Pemegang bon boleh menebus BSM 02 pada nilai belian pada atau sebelum tarikh matang di mana-mana cawangan bank ejen yang mengeluarkan bon berkenaan. Bank ejen akan membayar jumlah penebusan pada hari yang sama. Walau bagaimanapun, sekiranya BSM 02 ditebus sebelum tarikh matang, faedah atau keuntungan akan dibahagikan berasaskan kalender bulan yang lengkap. Tarikh terawal untuk penebusan bon ialah 3 Januari 2000.

Bank Ejen

BSM 02 akan dijual kepada orang ramai melalui cawangan lima buah bank yang dilantik oleh Bank Negara Malaysia. Untuk bon secara konvensional, bank-bank ejen ialah Malayan Banking Berhad, Bumiputra-Commerce Bank Berhad dan Public Bank Berhad manakala untuk bon secara Islam, bank-bank ejen ialah Malayan Banking Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Pengecualian Cukai

Dividen dan keuntungan ke atas BSM 02 adalah dikecualikan daripada cukai.

Bank Negara Malaysia
29 Oktober 1999